

20 Januari 2018

Cubaan seludup dadah dalam bekas bedak talcum, dapur gas tumpas

Cubaan seludup dadah dalam bekas bedak talkum, dapur gas tumpas

SEPANG - Cubaan tiga warga India menyeludup dadah jenis metamphetamine ke Malaysia menggunakan taktik menyembunyikan dadah itu dalam bekas bedak talkum dan ruang dapur gas mudah alih dipatahkan, dalam dua kes berasingan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), baru-baru ini.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Seri T Subromaniam berkata, dua kes yang ditumpaskan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) KLIA dalam tempoh dua minggu pertama 2018 itu merekodkan nilai rampasan dadah lebih 15kg dengan nilai RM1.09 juta.

Menurutnya, dalam kes pertama pada 4 Januari di Lapangan Terbang Antarabangsa 2 (KLIA2), dadah seberat 10.50 kg dianggarkan bernilai RM735,000 ditemui di dalam bekas talkum ketika pemeriksaan dilakukan terhadap dua bagasi yang tiba melalui penerbangan AirAsia dari Chennai, India, jam 7.30 pagi.

"Jika dilihat dari luar memanglah nampak macam bekas bedak biasa, tetapi selepas penutup utama dibuka dan kandungan di dalam bekas diperiksa, dadah dalam bentuk serbuk berwarna putih ditemui," katanya pada sidang media di pejabat JKDM KLIA, semalam.

Susulan itu katanya, dua wanita warga India, pasangan adik-beradik berusia 30 dan 31 tahun ditahan.

Dalam kes kedua, Subromaniam berkata, pemeriksaan terhadap dua kotak berisi beberapa dapur gas mudah alih yang tiba di KLIA dari Thiruchirapalli, India melalui penerbangan Malindo Air, jam 6.10 petang pada 11 Januari menemui 5.20 kg dadah bernilai RM364,000.

"Dadah itu disorok di dalam ruang terdapat pada bahagian dalam gas stove tersebut. Seorang lelaki warga India berumur 32 tahun ditahan," katanya. - Bernama



Subromaniam menunjukkan taktik penyeludup menyorok wang di dalam patung beruang pada sidang media mengenai kejayaan Jabatan Kastam KLIA merampas dadah bernilai RM1.09 juta dan mematahkan penyeludupan wang tunai berjumlah RM136,000, semalam.